

# Banjir kilat salah pemaju - Wan Junaidi

Oleh C. SHEILA RANI  
dan FARHANA JONI  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 31 OKT.

**P**EMAJU dan kontraktor projek pembinaan berhampiran Lebuhraya Persekutuan berdekatan susur keluar Kerinchi Link dan Pantai Dalam perlu bertanggungjawab ke atas kejadian banjir kilat di kawasan itu hingga mengakibatkan kesesakan lalu lintas yang serius, semalam.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihak-pihak tersebut didapati gagal menyediakan kolam takungan dan perangkap sampah seperti disyaratkan dalam Penilaian Kesan Alam

Sekitar (EIA) hingga menyebabkan sistem saliran dan longkang tersumbat dengan tanah dan sampah.

Sehubungan itu, jelasnya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan mengambil tindakan tegas terhadap pemaju dan kontraktor projek pembinaan terbabit sekiranya mereka didapati melanggar EIA.

“Bagaimanapun, JAS hanya boleh mengambil tindakan ke atas kedua-dua pihak itu jika projek pembinaan berkenaan diluluskan selepas Ogos 2015 iaitu setelah EIA dilaksanakan. Ketika ini, kementerian sedang menyiasat.

“Selain itu, projek tersebut di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang meluluskannya. Justeru,

saya berharap DBKL akan menyiasat sama ada pemaju dan kontraktor itu melanggar EIA jika mereka ada peraturan sedemikian dalam perundangannya,” katanya dalam sidang akhbar di Bangunan Parlimen di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Wan Junaidi memberitahu, sistem perparitan dan saliran di seluruh ibu negara mampu menampung kapasiti air jika berlaku hujan lebat sekaligus mengelak berlaku bencana banjir.

Malah, jelas beliau, hasil pemantauan kementeriannya di lima buah stesen menunjukkan sungai sedia ada masih mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk aliran air limpahan hujan.

“Kami mendapati sungai pada ketika itu masih mempunyai kapasiti yang tinggi iaitu satu setengah meter. Ini bermakna kejadian itu tidak berpunca daripada limpahan sungai mahupun perparitan dan saliran,” katanya.



WAN JUNAIDI  
TUANKU JAAFAR



BANJIR di Lebuhraya Persekutuan menyebabkan kesesakan trafik, kelmarin.